

Perjuangan pemimpin perlu dihargai

BH - 29/8/2006

SPERTI yang kita ketahui negara kita kini sudah pun 49 tahun mencapai kemerdekaan. Tidak dinafikan pencapaian Malaysia pada hari ini adalah satu kejayaan yang sungguh mengagumkan. Pada masa yang kurang daripada 50 tahun saja kita sudah mencapai satu tahap dan kejayaan yang sungguh luar biasa.

Kejayaan ini amat mengagumkan kerana tidak banyak negara yang diketahui di dunia ini berjaya melakukannya. Malah, ada di antara negara dunia ketiga yang berminat dan menjadikan Malaysia sebagai contoh atau model bagi negara mereka.

Sedarlah bahawa dunia mengagumi dan irihati dengan kejayaan kita pada hari ini. Semuanya adalah hasil jasa dan usaha pemimpin kita, kini dan dulu yang berjaya merancang dan memacu tanah air kita ke arah kejayaan yang dicapai pada hari ini.

Kejayaan pemimpin kita perlu dihargai dan dikenang. Kita semua amat terutang budi kepada mereka, kaum keluarga mereka dan juga kepada generasi terdahulu yang berjaya memerdekakan tanah air ini selepas hampir 500 tahun dijajah.

Peranan, pengorbanan, titik peluh dan jasa mereka tidak dapat dinafikan dan tidak dapat dijual beli dengan wang ringgit. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil daripada kesepakatan dan muafakat di antara rakyat berbilang kaum yang ada di Malaysia suatu ketika dulu.

Hormati kebijaksanaan dan pengorbanan pemimpin yang kini tertulis di dalam lipatan sejarah negara kita. Pemikiran kritis, rasional dan kebijaksanaan mereka inilah yang menjadi pemangkin kejayaan negara

kita dewasa ini.

Sesungguhnya kejayaan pada hari ini tidak datang dengan sekelop mata. Ia melalui satu proses panjang yang penuh dengan ranjau dan keperitan.

Pengertian kemerdekaan dewasa ini bukan saja bebas daripada belenggu penjajahan tetapi juga bebas dan merdeka daripada semua segi. Masyarakat kita pada hari ini merdeka dan hidup dengan aman, harmoni dan sejahtera serta hormat-menghormati, sayang-menyayangi sesama kita, harus ia dikekalkan.

Kita seharusnya berasa bangga kerana mempunyai satu sistem kehidupan bermasyarakat yang stabil dan berkesan, ekonomi yang pesat membangun, harta simpanan negara yang mencukupi, pembangunan yang mampan, golongan cerdik pandai serta sistem pertahanan yang disegani.

Inilah yang berjaya dilakukan oleh pemimpin kita. Kejayaan ini adalah sungguh mengagumkan tetapi untuk mengekalkannya bukannya sesuatu kerja yang mudah.

Oleh itu, saya menyeru agar semua rakyat Malaysia, pada hari ini marilah sama-sama kita menggembleng tenaga dan bersama-sama bersatu hati memacu tanah air kita ini ke arah kejayaan yang lebih bermakna agar Malaysia ini akan menjadi lebih disegani pada masa depan.

Semoga anak cucu kita kemudian hari akan berasa bangga dengan kejayaan kita nanti sebagaimana kita bangga dengan kejayaan dan kebijaksanaan pemimpin dan generasi terdahulu.

**ANAK MERDEKA YANG
BERSYUKUR,**

Taman Cheras Indah, Kuala Lumpur.